

**UCAPAN OLEH TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD DI PERSIDANGAN
ANTARABANGSA KEKELUARGAAN DARI PERSPEKTIF GLOBAL ANJURAN
KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR PADA 13 FEBRUARI 2014, JAM 10.00
PAGI DI HOTEL PUTERI PACIFIC, JOHOR BAHRU**

“Ancaman terhadap Institusi Kekeluargaan Islam”

1. Keluarga dalam Islam terbentuk dengan perkahwinan secara sah lelaki dan wanita. Dari pasangan ini maka lahirlah anak. Ibu dan bapa bersama anak-anak ditakrif sebagai satu keluarga.
2. Tetapi dalam Islam terdapat juga *extended family* iaitu anggota satu keturunan. Bapa dan ibu kepada pasangan keluarga Islam serta anak-anak mereka yang terdiri dari abang dan kakak kepada pasangan keluarga juga dianggap sebagai keluarga bersama dengan anak-anak mereka.
3. Hubungan darah ini memperluas dan memperbanyakkan lagi anggota keluarga dalam Islam. Juga dianggap anggota keluarga mereka-mereka yang mempunyai datuk dan nenek yang sama. Sesungguhnya keluarga Islam dianggotai oleh semua yang dikait dengan satu keturunan termasuk juga yang berkahwin ke dalam keluarga sesuatu pasangan ibu bapa.
4. Hubungan antara anggota keluarga adalah rapat dan bermakna. Masing-masing berasa bertanggungjawab, berbangga dan turut sedih terhadap susah-senang, hidup-mati anggota keluarga besar ini.
5. Keluarga sesuatu kelamin mempunyai hubungan yang rapat sehingga ke umur yang lewat. Anak dan cucu akan memelihara datuk dan nenek semasa mereka tua dan uzur. Keluarga Islam tidak akan hantar ibu bapa ke rumah orang tua apabila sudah tua dan nyanyok.
6. Sesungguhnya keluarga Islam adalah keluarga yang sebenar. Institusi keluarga dihormati dan dijunjung tinggi oleh semua orang Islam.
7. Tetapi keluarga Islam hari ini menghadapi tekanan kerana nilai-nilai hidup masyarakat manusia telah dan sedang berubah sehingga yang buruk diterima sebagai baik dan yang baik dianggap buruk.
8. Apabila kebebasan (*freedom*) dan persamaan (*equality*) dianggap sebagai hak asasi manusia, maka di Barat berlaku cabaran terhadap semua nilai-nilai yang dipegangi oleh keluarga Islam, bahkan moral mereka juga dengan alasan kebebasan dan persamaan.
9. Hari ini institusi perkahwinan dan kekeluargaan tidak lagi dihormati di Barat. Tanpa berkahwin mana-mana lelaki dan perempuan boleh duduk bersama dan berbangga dengan anak yang dilahir di luar nikah. Kedudukan

bersama ini mungkin sementara, selama beberapa hari atau tahun mengikut nafsu. Kemudian kedua-dua boleh duduk bersama dengan orang lain pula. Demikianlah amalan ini sehingga anak tidak kenal sama sekali bapanya. Namun ibu bersama anak tanpa lelaki yang dikenali sebagai bapa kepada anaknya juga dianggap sebagai keluarga. Lelaki yang memelihara anaknya tanpa ibu sebenar atau ibu angkat juga diterima sebagai keluarga.

10. Dalam keadaan bapa tidak dikenali besar kemungkinan perkahwinan atau perhubungan antara lelaki dengan kakak atau adik perempuannya samada secara berkahwin atau hanya duduk bersama diterima sebagai satu keluarga. Dan banyakkah lagi hubungan luar biasa yang boleh berlaku dalam masyarakat yang tidak lagi hormati institusi perkahwinan dan menerima sebagai keluarga anak dari luar nikah. Yang haram sudah dihalalkan.

11. Hari ini di Barat perkahwinan sejenis boleh diadakan dan diterima oleh undang-undang mereka. Mereka boleh memelihara anak angkat yang tak mungkin bukan dilahir oleh mereka dan anggap pasangan lelaki atau pasangan perempuan sebagai keluarga. Kita akui ada manusia yang jantinya sukar ditetapkan. Mereka hidup dalam keadaan serba salah. Tetapi hari ini orang biasa yang jelas jantina mereka juga pilih hidup pasangan sejenis tanpa segan silu.

12. Pengaruh nilai-hidup Barat ini sedang menular di kalangan muda-mudi Islam dan mengancam konsep keluarga dalam Islam. Jika diterima oleh generasi muda, maka akan runtuhlah keluarga Islam.

13. Ancaman ini adalah satu ancaman yang benar. Di zaman ini ibubapa tidak mempunyai banyak masa untuk mendidik dan menyemai nilai-nilai hidup Islam kepada anak mereka. Muda-mudi mempelajari cara hidup dari rakan dan kawan yang juga jahil berkenaan konsep haram halal, perkahwinan dan kekeluargaan dalam Islam.

14. Jika Islam hendak dijadikan Ad-Deen bagi generasi muda, maka tanggungjawab membentuk peribadi Islam di kalangan mereka mestilah serah sebahagiannya kepada sekolah, terutamanya kepada guru agama.

15. Tekanan pelajaran agama biasanya tertumpu kepada ibadah-ibadat tertentu sahaja. Sementara pengamalan ibadat-ibadat ini memang wajib dan penting, tetapi penyemaian nilai-nilai hidup Islam sebagai Ad Deen, cara hidup Islam tidak kurang pentingnya. Jika tidak maka akan runtuhlah budaya dan tamadun Islam yang sebenar. Pengamalan agama Islam akan hilang maknanya.

16. Untuk menyemai nilai hidup Islam, guru sendiri mestilah terlatih berkenaan apa diannya nilai hidup Islam yang mesti dipegang supaya tidak terjebak dengan budaya bebas ke Barat. Orang Islam tidak boleh serah didikan nilai hidup Islam kepada guru dengan kepercayaan bahawa mereka tahu tentang nilai hidup Islam. Buku dan kursus mestilah diadakan bagi guru-guru ini.

Panduan utama adalah Al Quran. Ajaran pemimpin dan pihak lain yang bertentangan dengan Al Quran hendaklah ditolak. Insyaallah akan terselamatlah keluarga Islam.

17. Sesungguhnya keluarga Islam hari ini dihadapi dengan banyak cabaran. Jika kita tidak berjaga-jaga besar kemungkinan budaya Barat dengan dayatarik kebebasannya dan konsep persamaan akan mencemar keluarga Islam jika tidak menghapuskannya sama sekali.

Sekian, terima kasih.
